

Bahasa Melayu 'terus ditekan'

BH
7/7/2015
mls 4

» Usaha memartabatkan penggunaannya perlu ditingkatkan

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Bahasa Melayu tidak sunyi daripada pelbagai 'pengkhianatan' yang melingkarinya, seolah-olah pihak berkenaan langsung tidak mengenang kemasyhurannya sebagai bahasa



penting sejak abad ke-13 yang kedudukannya selari dengan bahasa Latin di Eropah pada abad ke-16.

Catatan sejarah juga menyaksikan kebangkitan bahasa Melayu melalui peristiwa Sumpah Pemuda pada tahun 1928 selepas lumpuh akibat penjajahan Barat, tetapi pusingan roda itu terus berulang sehingga zaman sekarang.

Hal itu yang menjadi luahan yang menyakitkan pada Forum Cabaran Bahasa Kebangsaan dalam Era Globalisasi di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, baru-baru ini.

Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Prof Datuk Seri Dr Md Salleh Yaapar, berkata cabaran itu terpaksa dihadapi bahasa Melayu secara berterusan walaupun selepas termaktub sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi melalui Perkara 152 dalam Perlembagaan.

Beliau berkata, sesuai peredaran zaman, halangan dan cabaran bahasa Melayu pada zaman ini lebih besar termasuk rempuhan globalisasi bersama tekanan bahasa Inggeris yang hagemonik.

Mahu angkat bahasa Inggeris
Katanya, kebanyakan pemimpin politik masa itu menganggap bahasa Melayu tidak mempunyai kemampuan dan kewibawaan untuk digunakan sebagai bahasa ilmu, pentadbiran serta komunikasi global.

“Malah, kewajaran untuk menggunakannya dibuat atas alasan bahasa Inggeris ialah bahasa era maklumat dan *lingua technological* antarabangsa.

“Kini terdapat gerakan mengembalikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar semua sekolah di negara ini seperti di



Peserta khusyuk mendengar hujah ahli panel Forum Cabaran Bahasa Kebangsaan dalam Era Globalisasi di DBP di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

[FOTO NIK HARIFF HASSAN/BH]

negara jiran, Singapura, dengan isu sama berkali-kali dibangkitkan dalam akhbar berbahasa Inggeris.

“Pejuang bahasa imperialistik ini nampaknya terlupa Jerman, Perancis, Jepun dan Korea tetap maju dengan bahasa sendiri dan ia mengingatkan saya kepada pepatah Tagalog, iaitu *orang yang tidak cintakan bahasa ibundanya lebih jelik baunya daripada ikan yang busuk*,” katanya dalam forum kendalian Editor Astro Awani, Nazri Kahar.

Forum bersempena Majlis Ulang Tahun Ke-59 DBP itu turut disertai Ketua 1, Gabungan Per-

satuan Penulis Nasional Malaysia (GAPE-NA), Datuk Abdul Latiff Bakar dan Presiden Persatuan Penterjemahan Malaysia, Prof Emeritus Dr Abdullah Hassan.

Sementara itu, Abdullah berkata, kemampuan bahasa Melayu sering dipersoal dan beliau mengaitkannya dengan persoalan yang banyak diterima ketika PTS Media Group dimulakan 15 tahun iaitu mengapa PTS menerbitkan buku ilmu dalam bahasa Melayu.

Pandai melalui bahasa Melayu

“Jawapan saya ialah kerana mahu memandaikan bangsa kita. Tidak pernah ada sesebuah bangsa yang pandai melalui bahasa lain dan tiada tamadun yang dibina dengan tamadun lain.

“Kita boleh membina tamadun dengan bahasa Inggeris, tetapi ia akan menjadi ‘subsidiari’ bahasa Inggeris dan bukan kepunyaan kita.

“Orang yang bertanya soa-

Dari kiri, Nazri, Ketua Pengarah DBP, Datuk Awang Sariyan; Md Salleh, Abdul Latiff dan Abdullah ketika **Forum Cabaran Bahasa Kebangsaan dalam Era Globalisasi di DBP**, Kuala Lumpur, baru-baru ini.



Pejuang bahasa imperialistik ini nampaknya terlupa Jerman, Perancis, Jepun dan Korea tetap maju dengan bahasa sendiri”

Md Salleh Yaapar,
Pengerusi Lembaga
Pengelola DBP

lan itu mengatakan saya gila pada masa itu tetapi akhirnya orang yang sama meminta maaf kepada saya selepas melihat kejayaan PTS menerbitkan buku ilmu dalam bahasa Melayu,” katanya.

Bagaimanapun, kata Abdullah, masalah paling utama bahasa Melayu pada era globalisasi ini ialah hambatan teknologi yang boleh dikaitkan dengan frasa yang dimulakan Marshall McLuhan, iaitu *the medium is the message*.

Menurut frasa itu, bentuk medium yang digunakan ‘terbenam’ di dalam mesej, sekali gus mewujudkan hubungan simbiotik yang mempengaruhi bagaimana mesej disampaikan. Penggunaan teknologi digital dalam bahan berbahasa Melayu akan memudahkan capaiannya ke seluruh dunia.

Cabaran kepada penerbit

“Itu cabaran yang kita hadapi, apakah kita sudah sampai ke situ? Saya amat berharap Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM),

DBP dan penerbit besar misalnya tidak terjebak dalam keadaan yang akan menyebabkan kita ketinggalan.

Guna teknologi digital

“Penggunaan teknologi digital datang sekali dengan penggunaan teknologi awan mega (*cloud*). Di situ kita boleh menyimpan bahan bacaan digital dan tidak memerlukan ruang (seperti buku konvensional),” katanya.

Sebagai Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kota Buku (PKB), Abdullah turut memperjuangkan supaya PKB mengutamakan penerbitan digital meskipun menyedari ia tidak begitu menguntungkan.

“Walaupun dikatakan tidak begitu laku, himpunan ilmu dalam bahasa Melayu mesti diwujudkan.

“Dengan adanya teknologi digital, kita tidak berada dalam keadaan yang sangat merugikan kewangan tetapi menguntungkan rakyat dan memandaikan bangsa apatah lagi ramai anak Melayu kini mula memahami penggunaan dan kepentingan teknologi digital,” katanya.

Abdullah turut mengaitkan penggunaan bahasa Melayu dan teknologi dengan sebuah laman web berbahasa Melayu, *The Vocket* dan portal e-buku pertama di Malaysia, *E Sentral*.

“Ketika mahu bermula dengan kandungan bahasa Melayu dulu ramai yang tidak meyakini laman web ini tetapi kini nilainya sekarang RM3 juta manakala *E-Sentral* yang dimulakan dengan wang dan air mata nilainya kini RM15 juta,” katanya.